

Pandangan islam mengenai amalan berhutang

Islam tidak menggalakkan umatnya berhutang melebihi keperluan islam menganjurkan umatnya menjalani kehidupan secara wasatiyyah atau bersederhana dan mengutamakan sikap qana'a

Rasulullah SAW sering berdoa kepada Allah SWT agar dijauhkan daripada tabiat berhutang

al-Qard(objektif)

- 1.Membantu golongan yang memerlukan.
- 2.Merapatkan jurang perbezaan golongan kaya dan miskin
- 3.Merapatkan hubungan silaturrahim umat islam
- 4.Menguatkan sektor sosio ekonomi negara dan menghapuskan diskriminasi sosial dan ekonomi dalam masyarakat.
- 5.Membantu golongan berpendapatan rendah dalam sektor perniagaan dengan menggunakan kepakaran dan kemahiran yang ada di samping membantu menjana peluang pekerjaan kepada orang lain.
- 6.Wasilah da'wah mengenai kesyukuran dan keindahan Islam pinjaman qard hasan
- 7.Mendapat kebaikan berterusan dunia akhirat.

instrumen penjana sosio ekonomi ummah

Skim Al-rahnu Transaksi pemberian kemudahan pinjaman wang, penggadai (al-rahin) akan meletakkan barang gadaian (al-marhun) yang bernilai seperti emas kepada pemegang gadaian sebagai cagaran

Menampung kos pengurusan pemegang barang gadaian boleh mengenakan caj upah simpan pada kadar yang rendah

skim pinjaman kewangan dan pembiayaan untuk menunaikan haji / umrah

Prinsip perundangan Islam bersifat murunah membenarkan hutang/ pinjaman bagi tujuan menunaikan rukun Islam yang kelima sekiranya yakin mampu membayar balik pinjaman tersebut.

Konsep pinjaman dalam islam

Al-'ariyah	Al-qard
pinjaman barangan / harta oleh pemberi pinjaman kepada peminjam bertujuan penggunaan manfaat barangan / harta tersebut secara percuma.	pinjaman melibatkan pemindahan pemilikan barangan / komoditi yang boleh dianggarkan dan diganti mengikut bilangan, sukatan / timbangan

Konsep pinjaman dalam islam (cont)

Hak pemilikan-(barang) pemberi pinjaman(hak kekal) peminjam tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau susut nilai bagi barang tersebut kecuali kecuaiannya sendiri.

Orang Arab menyebutnya **salaf (hutang)** Pinjaman yang dibayar balik kepada pemiutang tanpa syarat keuntungan.

Barang yang dipinjam hendaklah dipulangkan kepada tuannya dan bukan memulangkan gantian barang tersebut.

Melibatkan barangan atau benda yang tidak musnah(kereta, telefon bimbit),barang yang mudah musnah-(sabun) akad pinjaman tersebut tidak sah.

Peminjam hendaklah memulangkan kembali barang yang dipinjam dalam bentuk gantian dan bukan benda yang asal.

Asnaf al-gharimin(bantuan)

Institusi zakat berfungsi mewujudkan keseimbangan aspek sosial dan ekonomi masyarakat

kriteria yang diberikan perhatian(faktor) terpaksa berhutang untuk memenuhi keperluan asas kehidupan

kategori yang tidak termasuk orang yang berhutang dengan pihak institusi kewangan dan pihak pemberi pinjaman tidak berlesen.

al-Qard al-Hasan(hukum)

Hukum(melaksanakan) Sunat

Hukum memberi hutang (seseorang yang memerlukan):- sunat. (seseorang yang tujuan untuk membebaskan dirinya daripada kesempitan hidup):harus

Fuqaha' bersepakat : tidak harus memberikan pinjaman sekiranya diketahui bahawa wang tersebut akan digunakan bagi tujuan haram atau maksiat.

Definisi al-Qard

Segi bahasa Al-qat'u (potong).

Segi istilah Penyerahan sesuatu barangan / harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barangan tersebut / sesuatu yang sama nilai dengannya akan digantikan kembali kepada pemilik asal tanpa sebarang penambahan.



By **Nurfadhilah**

Published 25th June, 2020.

Last updated 25th June, 2020.

Page 1 of 2.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**

Learn to solve cryptic crosswords!

<http://crosswordcheats.com>

Definisi al-Qard (cont)

Kategori (akad tabarru') kontrak yang berteraskan kepada konsep kebajikan. Ini kerana faedah / manfaat daripada transaksi yang berlaku hanya diperolehi oleh satu pihak sahaja iaitu penghutang.

al-Qard

Prinsip Al-Qard al-Hasan al-qard al-hasan(maksud) Islam hanya membenarkan transaksi pemberian hutang(tiada riba)

Al-qard al-hasan(umum) bermaksud pinjaman yang baik. (manifestasi dalam melakukan kebaikan)

Dalil pensyariatan hukum pelaksanaan al-qard al-hasan Surah al-Baqarah, ayat 245

Konsep kebaikan Peminjam yang boleh memberikan saguhati berbentuk wang kepada pemiutang sewaktu melunaskan hutangnya sebagai tanda penghargaan

Prinsip ketika berhutang

Pandangan mazhab Hanbali "- sedekah adalah lebih baik daripada hutang dan tidak berdosa seseorang yang meminta tetapi tidak berhutang"

(i) Setiap hutang hendaklah ditulis oleh penghutang dan pemberi hutang bagi mengelakkan berlakunya penipuan.

Prinsip ketika berhutang (cont)

(ii) Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan(-riba'). Sebarang kos perkhidmatan yang dikenakan ke atas orang yang berhutang hendaklah berdasarkan kepada kos sebenar pengurusan dan perkhidmatan yang disediakan

(iii) **Perwarisan(Kepentingan menyelesaikan hutang)** segala hutang piutang si mati hendaklah dibereskan terlebih dahulu sebelum harta dibahagikan

(iv) **Hutang** hak individu tertentu yang wajib dipulangkan sebagaimana yang dijanjikan.

Riba

Larangan riba surah al-Baqarah ayat 275

Rasulullah melaknat(terjemahan: "Rasulullah SAW mengutuk penerima riba, pemberi riba, pencatat dan dua orang saksi dan Baginda bersabda: Mereka semuanya adalah sama dalam melakukan dosa.")

Menurut al-Sarakhsi faedah atau perolehan yang disyaratkan pada hutang adalah dikira hutang yang menghasilkan faedah dan ianya adalah tidak halal. Manakala Ibn Qudamah berpendapat bahawa setiap hutang yang disyaratkan tambahan adalah haram tanpa perselisihan pendapat di kalangan ulama.

al-Qard(rukun)

1. Pemiutang (orang yang memberikan pinjaman)

Bukan seorang yang gila / kanak-kanak / mahjur(disekat dari menguruskan harta, tidak pandai menguruskan hal ehwal harta) dan tiada unsur paksaan

2. Penghutang/peminjam

Bukan seorang yang mahjur 'alaih kerana safih, orang gila / kanak-kanak serta tiada unsur paksaan dan berkemampuan untuk membayar balik pinjaman.

3. Barang yang dipinjam

(a) Fuqaha' mazhab Hanafi : sah berhutang barang-barang mithliy (yang mempunyai unit yang serupa di pasar) iaitu yang boleh disukat, ditimbang dan dibilang dan mempunyai saiz yang hampir serupa seperti wang, telur, buah kelapa dan sebagainya.

(b) Fuqaha' mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali : harus diberi hutang bagi barang-barang yang boleh disukat atau ditimbang seperti emas, perak dan makanan termasuk barang-barang qimiy seperti batu permata. Walaubagaimanapun, pandangan yang asah/ rajih mengatakan barang-barang yang jarang atau sukar atau tidak boleh dipulangkan seperti batu permata adalah tidak sah dijadikan hutang

4. Sighah

Lafaz ijab dan qabul

Gejala ceti haram

Ceti haram atau ah long(kegiatan) bertentangan dengan ajaran Islam kerana mengandungi unsur riba dengan mengenakan bayaran bunga atau faedah

Ah long atau ceti haram(aktiviti) keganasan serta melakukan kekerasan

